



Tahun 3 Bilangan 17

15 October, 1958.

RAAYAT PRESTI BERJIWA BAHARU.

KEMAJUAN Negeri Brunei dalam pertengahan abad yang ke-20 ini ia-lah kemajuan perusahaan minyak yang di-selenggarakan di-kawasan Seria oleh sharikat minyak Brunei Shell Petroleum Company.

ANTARA KANDONGAN-NYA

- * Maktab Perguruan Brunei
- * Tenaga electric baharu
- * Menchari saudara
- * Peluang kapada penganggor2
- * Merawat ka-Temburong dll.

Minyak di-kawasan itu mula2 di-jumpai dalam tahun 1929 ia-itu 19 tahun lepas minyak di-jumpai di-Miri, satu kawasan Sarawak yang tidak berapa jauh terletaknya dari sempadan Brunei dengan Sarawak.

Tetapi perusahaan minyak itu tidak mendatangkan hasil yang besar dengan serta merta kerana langkah2 untuk mengadakan persiapan2 hendak mengeluarkan-nya dari bumi Seria itu mengambil masa yang lanjut dan tenaga dan perbelanjaan yang besar.

Sa-baik sahaja sharikat itu dapat mengeluarkan minyak dengan mengrali beberapa buah perigi minyak di-kawasan minyak tersebut, api peperangan Timor Jauh pun menyala dan faedah serta kemudahan2 yang di-jaraka dapat di-berikan kapada rasyat dari hasil perusahaan minyak itu tidak-lah dapat di-nekmati oleh rasyat sa-hingga usaha memulehkan sa-mula perusahaan itu berjaya beberapa tahun sa-telah perang Timor Jauh itu tamat dalam tahun 1945.

Berbagai2 perusahaan.

Sekarang hasil dari perusahaan minyak itu telah meningkat lebih dari \$100,000,000 sa-tahun. Dari wang itu dan hasil dari berbagai2 perusahaan dan chukai dagangan keluar masok, dapat-lah di-maju dan di-perkembangkan Negeri Brunei dalam segala lapangan pertadbiran supaya rasyat jelata mara dengan sa-chepat2-nya ka-arrah zaman bahagia.

Di-bawah ranjangan kemajuan lima tahun pertama yang di-lancharkan dalam tahun 1953 wang sa-banyak \$100,000,000 telah di-untukkan kerana berbagai2 ranjangan pembinaan seperti mengadakan jalan2 raya untuk kemudahan perhubungan rasyat jelata.

Bangunan2 baharu untuk pejabat2 kerajaan, sekolah2 dan perumahan telah di-dirikan dan sedang di-dirikan di-seluroh negeri ini; tali ayer di-bena dan di-perbaiki dan kawasan2 persawahan dan kampong2

TANGGONGAN MAKTAB PERGURUAN BRUNEI. Bertempat sementara di-sekolah menengah Sultan Omar Ali Saifudin College, Brunei, ia-lah Maktab Perguruan Guru2 Melayu Brunei untuk memberi latehan kepada guru2 sekolah2 Melayu di-seluruh negeri ini.

Maktab perguruan itu lahir pada 16 January 1956 sa-bagai satu dari rancangan Kerajaan Brunei hendak mengembangkan pelajaran Melayu mengikut dasar pelajaran yang mengutamakan kegunaan bahasa Melayu. Bahasa Inggeris di-ajar juga di-maktab itu tetapi sa-bagai satu mata pelajaran sahaja.

Mengikut dasar pelajaran tersebut maktab itu memberi latehan dengan menggunakan bahasa Melayu sa-bagai bahasa perantaraan-nya dan hanya penuntut2 yang terdiri dari anak2 Brunei sahaja di-terima masuk bagi mendapat latehan.

Maktab perguruan itu mula2-nya di-tempatkan di-sabuah rumah kajang di-belakang sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam. Bangunan kajang itu tidak menarek bentuk-nya sa-lain dari keadaan-nya yang burok dan hampir roboh itu tetapi oleh sebab tinggi semangat penuntut2 kumpulan tahun pertama yang sa-ramai 22 orang itu hendak belajar dengan bersunggoh2 kerajaan telah mengambil keputusan hendak membina sa-buah maktab perguruan yang boleh di-megahkan bangunan-nya.

Bangunan baru.

Ranchangan membina bangunan baru yang serba lengkap itu sekarang ini sedang di-jalankan dan tidak lama lagi sa-buah maktab perguruan yang moden akan kelihatan tersergam di-Berakas, satu kawasan luar bandar yang berhampiran dengan lapangan terbang Brunei.

Guru2 pelateh Melayu yang di-beri latehan itu terutama-nya di-beri latehan "mengenal" kanak2 yang tidak berbeza pengertian, kemahiran dan kechenderongan-nya daripada kanak2 yang akan menjadi murid2 mereka sa-telah mereka lulus dari maktab dan di-hantarkan mengajar di-sekolah2 Melayu di-seluruh negeri ini.

Untuk mendapat latehan "menjenal murid2", sekolah Melayu Berakas, oleh sebab terletak berhampiran dengan maktab yang sedang di-bina itu, telah di-pilih menjadi "sekolah latehan mengenal murid2" bagi penuntut2 Maktab Perguruan Guru2 Melayu Brunei dan pada tiap2 hari Ahad mereka itu di-bawa ka-sekolah tersebut supaya memerhatikan chara2 mengajar yang sa-suai dengan teori yang di-kuraikan oleh para pensharah maktab itu.

Kursus di-maktab itu mengambil masa sa-lama tiga tahun. Pada masa ini bilangan penuntut2-nya ia-lah 40 orang ia-itu 20 orang penuntut2 tahun pertama dan 20 orang penuntut2 tahun kedua. Pada tahun hadapan 20 orang guru2 pelateh lagi akan di-terima masuk supaya penoh daftar bilangan penuntut2 maktab itu.

Sa-telah penuntut2 kumpulan pertama tamat dan keluar dari maktab pada hujong tahun yang ketiga sa-bagai guru2 yang terlateh maktab itu akan menerima 20 orang guru2 pelateh lagi untuk mengambil tempat2 yang kosong itu.


20 penuntut sa-tahun.

Ambilan penuntut2 masok berlatih di-maktab itu telah di-tetapkan di-bawah rancangan sekarang sa-ramai 20 orang sa-tahun supaya bilangan penuntut2-nya sentiasa 60 orang ramai-nya.

Dalam masa penuntut2 itu menerima latehan mereka di-tumpangkan di-asrama maktab itu dengan di-beri latehan dan makanan perchuma sa-lain dari sara hidup sa-banyak \$20 sa-bulan kapada penuntut2 tahun pertama, \$25 kapada penuntut2 tahun kedua dan \$30 sa-bulan kapada penuntut2 tahun ketiga. Apabila tamat, mereka itu di-ambil berkhasiat dan di-beri gaji mengikut tangga gaji guru2 Melayu yang telah tersusun itu.

Maktab perguruan itu di-ketuai oleh Tuan James Pearce, sa-orang pelajar Melayu yang pada suatu masa dahulu menjadi Pengusaha Pelajaran

MENUNTUT DI-UNITED KINGDOM -



Gambar yang tertera di atas dari kiri ia-lah: Inche Rosli bin Omar, Inche Ali bin Daud dan Inche Sahari bin Idris, ketiga2nya telah bertolak ka-United Kingdom kerana menuntut dengan perbelanjaan Kerajaan Brunei.

Inche Rosli dan Inche Ali ia-lah antara delapan orang yang telah bertolak ka-United Kingdom pada 10 September, 1958, sa-bagaimana yang telah di-beritakan dalam keluaran2 Pelita Brunei yang lalu.

Inche Sahari sa-orang pegawai Customs, Brunei, telah bertolak pada 25 September, 1958 kerana kursus khas bagi pegawai2 preventive di-Pejabat Customs, London. Beliau akan berada di-United Kingdom sa-lama 5 bulan.

.....

NAIK HAJI PADA TAHUN HADARAN.

Pejabat Adat Istiadat Negeri, Ugama dan Kebajikan Musharakat, Brunei, mema'lumkan kapada orang2 Islam di-Negeri Brunei bahawa mereka hendak-lah segera mendaftarkan nama jika hendak menunaikan fardhu Haji tahun hadapan.

Ini ia-lah untuk menyenangkan Pegawai Haji Persekutuan Tanah Melayu menyediakan jadual pelayaran kapal2 haji bagi tahun hadapan.

Banyak2 haji ada-lah di-minta supaya jangan lewat dari 1 November yang akan datang ini mendaftarkan nama.

Borang2 permohonan kerana ini boleh di-minta dari Pejabat Adat Istiadat Negeri, Ugama dan Kebajikan Musharakat, Brunei.

.....

dari muka 2.

Negeri Brunei. Beliau di-bantu oleh dua orang pensharah Melayu lepasan Maktab Perfuruan Kirkby, England, dan sa-orang pensharah Melayu lepasan Maktab Perfuruan Sultan Idris Training College, Tanjung Malim, Malaya. Sa-lain dari pensharah2 khas itu, guru2 dan pegawai2 tempatan ada-lah di-jemput memberi sharahan dalam berbagai2 mata pelajaran saperti ugama, pertanian, sukan, permininan, latihan gerakan badan dan pertukangan.

Latehan di-beri juga kepada guru2 yang belum terlatch dan menurut pendapat Tuan Pearce, ketua maktab itu: "Sejak di-adakan kursus ini perubahan2 baharu dalam chara2 mengajar telah ada nampaknya di-sekolah2 yang mendapat perkhidmatan guru2 itu."

BEKALAN TENAGA ELECTRIC DI-KAMPONG2 DI-PERBESARKAN LAGI

De gan siap terpasang sa-buah jentera electric baharu 880 KW besar-nya di-bandar Brunei baharu2 ini, sa-tapak lagi negeri ini telah mara ka-hadapan dalam ranchangan-nya hendak menggan tikan lampu2 minyak dengan lampu2 electric di-kampong2.

Sa-buah lagi jentera electric 880 KW yang telah sampai di-Brunei dan sedang di-pasang ada-lah di-jangka akan mula membekalkan tenaga electric menjelang hujong tahun ini.

Dalam pada itu penyiasatan telah di-jalankan oleh pehak yang berkuasa Pejabat Electric berkenaan dengan bekalan tenaga electric yang di-kehendaki oleh penduduk2 kampong.

Pejabat itu berharap bahawa pusat2 electric yang tidak memerlukan kaki tangan mungkin di-dirikan di-beberapa buah kampong2 yang besar dalam tahun hadapan.

dari muka 1.

baharu di-buka supaya negeri ini berkechukupan makanan kelak.

Di-antara bangunan2 itu yang di-agongkan ia-lah masjid baharu di-bandar Brunei. Masjid itu telah di-bena dengan harga \$8,000,000 dan di-namakan Masjid Omar Ali Saifuddin mengambil sempena nama Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang telah mengishtiharkan perbuakaan-nya pada 26 haribulan yang lalu di-hadapan beberapa orang Raja2 Melayu dari Persekutuan Tanah Melayu dan dhaif2 orang dari Brunei, Borneo Utara, Sarawak dan Singapura.

Sa-imbang dengan chita2 Baginda hendak memperkemas dan memajukan pertadbiran Negeri Brunei supaya rayaat berjiwa baharu ia-lah chita2 Baginda hendak memberi kuasa politik yang luas kepada rakyat.

Rundingan Perlembagaan.

Dalam titah Baginda menjawab ucapan2 tahniah dan junjon/ kasih rayaat dalam istiadat puja umor Baginda yang ke-42 tahun di-Istana Darul Hana pada 23 September yang lepas Baginda telah bertitah di-antara lain2:

"Rundingan2 yang besar sedang berjalan antara kerajaan British dengan Negeri Brunei untuk membincangkan hal perlembagaan baharu yang bertulis bagi Negeri Brunei ini. Ranchangan perlembagaan baharu yang bertulis bagi Negeri Brunei ini telah pun di-perbuat beberapa perubahan dari ranchangan asal-nya dan perkara ini sudah pun di-kaji, sudah pun di-bahath dengan halus oleh ahli2 Majlis Moshuarat Daerah masing2. Tiap2 daerah itu telah menyampaikan pendapat2 serta permohonan dan perubahan2 yang mereka kehendaki sa-bagaimana yang di-buat dalam ranchangan permulaan perlembagaan itu ...

Bagaimana pun dapat-lah beta terangkan bahawa perlembagaan baharu Negeri Brunei ini akan dapat memberi satu jiwa baharu kepada Negeri Brunei dan beta berharap mudah2an perlembagaan baharu ini akan dapat di-selesaikan dengan segera dan akan dapat di-jalankan dengan sa-beberapa segera yang boleh.

Sa-kali lagi beta terangkan ia-itu perlembagaan baharu Negeri Brunei akan dapat memberi semangat dan jiwa baharu bagi negeri dan pemerintahan Negeri Brunei dan berharap kapada rayaat di-negeri ini akan bersabar menunggu-nya....."

JAMINAN KAPADA PARA PENGANGGOR.

Orang2 yang menganggor di-seluruh Negeri Brunei ini mungkin bertambah bilangan. Mereka itu hendak-lah mendaftarkan nama di-pejabat2 Pendaftar Burch atau Pegawai2 Daerah di-tempat2 yang tidak mempunyai pejabat2 pendaftar buroh sa-kira-nya mereka hendak mendapatkan pekerjaan.

Dasar kerajaan dalam perkara ini ia-lah mengambil bekerja sa-mula orang2 yang telah di-berhentikan dan keutamaan akan di-beri oleh pejabat2 Pendaftar Buroh dan Pegawai2 Daerah kepada orang2 tersebut dengan sharat kelakuan mereka itu baik.

Lepas itu di-beri pula keutamaan kepada pemuda pemudi yang sekarang ini ramai bilangan-nya hendak bekerja.

Keutamaan yang rendah sa-kali di-beri kapadá mereka yang telah meletakkan jawatan kerajaan atau yang telah di-buang kerja oleh kerajaan.

Pekerja2 gaji hari ini akan di-ambil bekerja menerusi Pejabat2 Pendaftar Buroh dan Pegawai2 Daerah.

Orang2 yang memohon kerja menerusi pejabat2 Pendaftar Buroh atau Pegawai2 Daerah itu ada-lah di-ingatkan bahawa keutamaan mendapat kerja itu akan hilang sa-kira-nya mereka enggan menerima sa-suatu kerja yang sa-suai yang di-tawarkan kapada mereka.

.....

WAKAF DARIPADA DULI YANG MAHA MULIA

Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan telah mewakafkan sa-lambar permaidani untuk di-gunakan di-masjid baharu, Omar Ali Saifuddin Bandar Brunei.

Permaidani itu telah di-sampaikan oleh Pehin Dato Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar kapada Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, Pengetua Jabatan Adat Istiadat Negeri, Ugama dan Kebajikan Musharakat, Brunei.

PAKAR2 PELAJARAN BERSIDANG.

PERSIDANGAN tahunan ke-9 Pengarah2 Pejabat Pelajaran Negeri2 Commonwealth di-Tenggara Asia telah di-adakan di-Bandar Brunei mulai dari 13 October ini.

Persidangan yang berlangsung pada 16 October itu telah di-buka dengan resmi-nya oleh Yang Berhormat British Resident, Brunei, Tuan D.C.White.

Negeri2 yang telah menghantar wakil2 ia-lah Hongkong, Sarawak, Borneo Utara, Singapura dan Brunei.

Persekutuan Tanah Melayu dan Pejabat Pesuruhjaya Agong Tenggara Asia telah menghantar pemerhati2

.....

Boxing. Perlawayan boxing untuk menyutip germa bagi membeli perkakas2 boxing akan di-adakan di-dewan SOAS College, Bandar Brunei pada 18 October, mulai dari pukul 7.30 petang.

MENCHARI SAUDARA.

ARIFFIN bin Panchor dari Kampong Pulau, Kuching, Sarawak menda'wa bahawa orang tua-nya Pa' Panchor itu berasal dari Brunei dan mempunyai sa-orang saudara perempuan bernama Mak Chabi.

Mak Chabi di-katakan sekarang ini berada di-Bandar Brunei.

Dalam sa-puchok surat-nya yang telah di-terima oleh Pejabat Penerangan Brunei, Ariffin bin Panchor itu menyatakan chita2-nya hendak berkenalan dengan ahli2 keluarga Mak Chabi.

Ariffin berkata beliau tidak berupaya hendak datang ka-Brunei.

.....

X UCHAPAN TAAT SETIA KAKI TANGAN KERAJAAN KAPADA DULI YANG MAHA MULIA

YANG Berhormat British Resident Brunei, Tuan D.C. White dalam uchapan tahniah-nya menyambut hari keputeraan ke-42 Duli Yang Maha Mulia pada 23 September yang lalu telah menyembahkan taat setia kaki tangan kerajaan kapada Baginda.

Tuan White berkata:

"Bagi pehak Perkhidmatan Raya Negeri Brunei, beta dengan bebesar hati mengambil kesempatan ini menyampaikan uchapan selamat hari keputeraan kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dan beta juga mengaku taat setia serta kebaktian dari pehak Perkhidmatan Raya terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan.

Pehak Perkhidmatan Raya sangat sadar betapa perlu-nya tugas mereka bagi menjalankan perentah Duli Yang Maha Mulia mengenai rancangan dan perkembangan Negeri Brunei sama ada di-lapangan politik mahu pun di-lapangan iktisad, dan beta perchaya bahawa Duli Yang Maha Mulia boleh mengharapkan pegawai2 di-sekitar chawangan kerajaan bagi menyelenggarakan segala kehendak2 baharu yang akan di-kenakan kapada mereka.

Hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia ini, akan di-ingati untuk beberapa lama-nya oleh kerana perayaan tersebut adalah di-permuliakan dengan di-hadhiri oleh beberapa orang Duli Yang Maha Mulia Sultan2 dan Pemangku2 Sultan dari Malaya serta beberapa orang tetamu yang kenamaan dan wakil2 dari negeri yang kesemuanya itu ia-lah jiran dan sahabat handai kita.

Negeri Brunei sangat membanggakan hari ini kerana mengalu2-kan beratus2 para jemputan dan beta semua dengan sa-sunggohnya berharap yang mereka akan bergembira dalam lawatan mereka.

Masjid baharu yang agong, yang mana Duli Yang Maha Mulia akan membuka-nya pada hari Jumaat di-hadapan tetamu yang kehamaan serta raayat Brunei, akan berdiri sa-lama2-nya sa-bagai satu perhiasan yang permai dan menjadi tempat tumpuan jiwa keugamaan Duli Yang Maha Mulia serta raayat yang berugama Islam, jiwa keugamaan yang akan menjadi kubu mempertahankan raayat tuanku terhadap kuasa2 yang meruntuhkan yang sedang berbiak di-dalam dunia ini.

Beta menamatkan uchapan ini dengan menguchapkan mudah2an Duli Yang Maha Mulia dan Raja Isteri serta putera2 dan puteri2 akan berada di-dalam kandongan sihat wal'afiat dan moga2 Allah lanjutkan usia Duli Yang Maha Mulia untuk nemerentah raayat yang di-kasehi dengan tenang, aman dan damai."

PERMINTAAN TINGGAL TIDAK DI-LAYANKAN LAGI.

Menjelang 1 October ia-itu tarikh penghabisan mendaftar, lebih 13,000 orang, kebanyakannya orang2 China telah memohonkan kebenaran hendak tinggal atau Residence Permit di-Brunei di-bawah sharat2 Undang2 Imigresen baharu.

Seberapa permintaan lagi kata Pengelola Imigresen maseh di-terima tetapi tidak di-layangkan oleh sebab tempoh pendaftaran telah tamat.

Dari jumlah itu 9,000 permintaan telah di-sampaikan menerusi Kuala Belait.

Dari sekarang sa-saorang yang berada di-negeri ini yang bukan-nya anak Brunei atau pun di-kechualikan, harus di-kehendaki menunjukkan surat kebenaran tinggal (Residence Permit) atau surat kebenaran melawat untuk menerangkan bahawa orang itu telah mendapat kebenaran dari Pejabat Imigresen.

.....

TERNAKAN BERTEMPIARAN DI-JALAN.

Orang2 yang menggunakan jalan Tutong pada malam hari hendak-lah berjaga2 kerana kerbau2 yang lepas sentiasa bertempiaran di-jalan itu. Kerbau2 itu susah hendak di-lihat di-sebabkan warna-nya sa-akan2 sama dengan warna jalan itu.

Sa-lain dari itu jalan tersebut maseh dalam pembinaan dan dari itu orang2 yang lalu lintas mesti-lah memerhatikan dengan cermat-nya.

Ada juga di-taroh pada tempat2 jalan rosak itu tanda2 atau lampu2 merah tetapi ini tidak-lah boleh di-harapkan sangat kerana ada kala-nya tanda2 dan lampu2 itu di-binasakan dan di-larikan oleh samseng2.

.....

ROMBONGAN JURURAWAT KA-TEMBURONG.

SATU rombongan jururawat2 kesihatan yang di-ketuai oleh Health Sister, Brunei, Puan E.M.Kennedy akan melawat Daerah Temburong kerana hendak memereksa kesihatan penduduk2 di-daerah itu.

Rombongan tersebut akan memberi layanan dan rawatan pada sa-beleh pagi di-tempat2 dan tarikh2 yang berikut:

Sekolah Melayu Kampong Bokok. 9 October, 6 November, 4 December 1958, 29 January, 26 February, 26 March, 23 April, 21 May dan 18 June 1958.

Rumah Sakit Daerah Temburong, Bangar. 16 October, 13 November dan 11 December, 1958, 8 January, 5 February, 5 March, 2 April, 30 April dan 25 June, 1959.

Sekolah Melayu Labu Estate. 23 October, 20 November dan 18 December 1958, 15 January, 12 February, 12 March, 9 April, 7 May, 4 June dan 2 July, 1959.

Sekolah Melayu Batu Apoi. 30 October dan 27 November, 1958, 22 January, 19 February, 19 March, 16 April, 14 May, 11 June dan 9 July 1959.

Untuk menjamin supaya sa-beberapa ramai yang boleh penduduk2 kampong datang berjumpa dengan rombongan jururawat itu, penghulu2 dan ketua2 kampong ada-lah di-minta nasihatkan ibu2 yang mengandung dan anak2 kecil mereka berjumpa dengan rombongan tersebut meminta nasihat dan ubat di-tempat2 yang dekat sa-kali dengan rumah masing2 pada tarikh2 yang telah di-tetapkan itu.

Sekia Usaha Agong Jawatan Kuasa Perayaan Negeri, Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, mengucapkan terima kasih kepada orang2 yang telah menyumbangkan bantuan tenaga dan lain2nya kepada Jawatan Kuasa tersebut yang telah menurunkan istiadat perayaan menyambut ulang tahun hari keputeraan ke-42 Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan, istiadat berkhatain Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Haszaniel Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan istiadat peribukaan resmi masjid baharu Omar Ali Saifuddin bin Bandar Brunei baharu2 ini.

Dalam satu jamuan satai di-tingkat peranginan bangunan Pengiran Pemancha di-Bandar Brunei pada petang 4 October, Pengiran Mohamed Yusuf berkata bahawa perayaan2 itu tidak akan mendapat kejayaan yang bagitu besar jika tidak dengan kerja sama yang telah di-churahkan oleh mereka itu.

Turut hadhir dalam jamuan itu ia-lah Yang Teramat Mulia Pengiran Bendahara, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera, Yang Berhormat Pehin Dato' Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Jahfar dan Penolong Resident Brunei, Tuan W.I.Glass.

.....

X LATEHAN JURURAWAT.

PEGAWAI Perubatan Negeri Brunei menjemput permohonan2 daripada gadis2 yang berkelayakan untuk mendapat latehan menjadi jururawat. Jururawat biasa akan di-beri latehan selama tiga tahun dan latehan kepada gadis2 yang hendak menjadi jururawat gigi ia-lah selama dua tahun.

Tangga gaji jururawat ia-lah dari \$174 hingga \$354 sa-bulan tidak termasuk berbagai2 allowance.

Permohonan2 hendak mendapat latehan menjadi jururawat biasa hendaklah di-alamatkan kepada Matron, State Hospital, Brunei, dan kepada State Medical Officer, Brunei, berkenaan dengan permohonan hendak mendapat latehan menjadi jururawat gigi.

.....

RENGKASAN.

Sukan tahunan pertama Maktab Perguruan Melayu Brunei yang di-adakan di-Bandar Brunei baharu2 ini telah berlangsung dengan Harun bin A. Samad menjadi johan.

Johan rumah ia-lah Rumah Ahmad Tajuddin.

.....

Perlawanan boxing untuk mengutip derna kerana memboli perkakas boxing akan di-adakan di-dewan SOAS College, Brunei pada 18 October mulai dari pukul 7.30 petang

.....

Sa-utas rantai tangan daripada emas telah di-jumpai di-jalan di-antara sekolah Melayu SMJA dengan sekolah perempuan Melayu RIF Bandar Brunei dalam minggu perayaan baharu2 ini.

Rantai tersebut sekarang ini di-simpan oleh Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusuf, Pegawai Pengorangan Negeri dan akan di-pulangkan kapada si-pemiliknya jika orang itu datang ke Pejabat Pengorangan Brunei dengan keterangan yang memuaskan.

.....

Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan telah menitahkan bahawa gelaran "Dato Paduka" itu hendak-lah mendahului nama orang2 yang telah dikurniakan bintang2 kebesaran D.K., S.P.M.B., dan D.P.M.B.